



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA

Bagi Minggu 17/2010 (25 April hingga 1 Mei 2010)

Sepanjang minggu ke-17, iaitu bagi tempoh 25 April hingga 1 Mei 2010, sejumlah 790 kes demam denggi dengan 2 kematian telah dilaporkan di seluruh negara. Terdapat penurunan sebanyak 95 kes (11%) berbanding dengan 885 kes pada minggu sebelumnya. Enam (6) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu N.Sembilan (14 kes), Sarawak (13 kes), Johor (12 kes), Pahang (7 kes), manakala Perak dan Kelantan masing-masing (2 kes) seperti di lampiran A.

Jumlah kes terkumpul yang dilaporkan bagi tahun ini adalah 16,455 kes berbanding 18,401 kes bagi tempoh yang sama tahun lepas, penurunan sebanyak 11% pada tahun ini. Bilangan kematian pada tahun ini adalah 56 kes berbanding 43 kes pada tahun lepas, iaitu peningkatan sebanyak 30%. Enam (6) negeri yang tiada melaporkan kes kematian pada tahun 2009, menyumbang kepada peningkatan sebanyak 17 kematian (30%) pada tahun ini dan menjadikan jumlah negeri yang mencatatkan kes kematian pada tahun 2010 adalah 12 negeri berbanding 6 negeri pada tahun lepas.

Dua (2) kematian yang dilaporkan pada minggu lepas adalah daripada Perak dan Melaka. Kedua-dua kes kematian yang disebabkan

oleh *Dengue Shock Syndrome* ini berlaku di kawasan yang mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi iaitu di antara 2.17% hingga 3.0% dan satu daripadanya berlaku di kawasan yang pernah berlaku wabak denggi pada Februari lepas.

Sepanjang minggu lepas, terdapat 31 kawasan “hot spot” yang masih aktif, berbanding 32 lokaliti “hot spot” pada minggu sebelumnya, melibatkan negeri-negeri seperti Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor dan Pahang (Lampiran C). Daripada jumlah tersebut, 12 kawasan masih mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi (Lampiran D) dan hanya 3 (10%) dari kawasan “hot spot” sahaja yang telah mengadakan aktiviti gotong-royong manakala kawasan lain tiada gotong-royong dijalankan kerana kurangnya kerjasama masyarakat setempat.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius kepada tren peningkatan kematian kes denggi pada masa ini dan satu Mesyuarat Khas Kematian Denggi Kebangsaan telah diadakan pada 30 April 2010 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia untuk membincangkan isu ini. Daripada analisa yang dibuat menunjukkan 68% daripada kematian adalah dari golongan yang produktif dan mempunyai keluarga untuk disara. Oleh itu kematian ini bukan saja memberi kerugian kepada negara tetapi kepada keluarga pesakit. Pihak KKM meminta pihak pengamal perubatan, termasuk pakar-pakar perubatan di klinik, hospital swasta dan hospital-hospital universiti memberi kerjasama sepenuhnya kepada Jabatan Kesihatan Negeri, dengan memberi maklumat dan hadir dalam Mesyuarat Audit Kematian Denggi sekiranya berlaku kematian disebabkan denggi di hospital atau klinik masing-masing. Di samping itu, pengamal perubatan yang telah mendiagnosa kes sebagai demam denggi atau kes yang disyaki denggi mesti melaporkan kes tersebut dalam tempoh yang ditetapkan ke Pejabat Kesihatan berhampiran.

Pencegahan dan kawalan demam denggi ini bukan hanya tanggungjawab pihak KKM sahaja, malah ianya adalah tanggungjawab semua pihak terutamanya masyarakat setempat kerana jangkitan demam denggi boleh berlaku kepada semua golongan masyarakat. Daripada pemantauan pihak KKM, didapati 75% pembiakan nyamuk Aedes adalah di luar premis iaitu terdiri daripada tong-tong kosong (22%), bekas plastik (18%) manakala pasu bunga dan tayar (12%). Oleh itu, masyarakat diminta membersihkan kawasan persekitaran dan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes seminggu sekali. Bagi bekas takungan air yang sukar dikosongkan atau tidak boleh ditutup, gunakan ubat pembunuh jentik-jentik nyamuk untuk memastikan takungan air tersebut tidak menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Bagi mereka mengalami gejala-gejala demam denggi, hendaklah segera dapatkan rawatan di klinik atau hospital berdekatan. Pengesanan dan rawatan awal dapat menyelamatkan nyawa dan mencegah penderitaan akibat demam denggi.

Bagi tempoh 25 April hingga 1 Mei 2010, sejumlah 5 kes penyakit Chikungunya dilaporkan, berbanding 3 kes pada tempoh yang sama minggu sebelumnya, peningkatan sebanyak 2 kes. 5 kes yang dilaporkan adalah 3 dari Sarawak dan 1 kes masing-masing di Selangor dan Sabah. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 541 kes berbanding 1,571 kes, penurunan sebanyak 1,030 kes (66%) untuk tempoh yang sama pada tahun 2009.

(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

3 Mei 2010

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 17/2010
(25 April hingga 1 Mei 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 17/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 17/2009
		Minggu 17 (25 April – 1 Mei 2010)	Minggu 16 (18 - 24 April 2010)		
1	Perlis	2	4	44	73
2	Kedah	18	18	212 (2)	368
3	P. Pinang	17	18	382 (2)	1,048
4	Perak	40 (1)	38	584 (2)	1,512
5	Selangor	329	441	7,769 (27)	9,778 (30)
6	WPKL & Putrajaya	119	138	1,896 (4)	1,598 (5)
7	N. Sembilan	51	37 (2)	728 (3)	356 (4)
8	Melaka	16 (1)	18	173 (3)	236
9	Johor	62	50	1,003 (3)	1,038 (2)
10	Pahang	20	13	420 (1)	347 (1)
11	Terengganu	12	17	332	449
12	Kelantan	31	29	396 (2)	535
13	Sarawak	55	42	1,852 (6)	666
14	Sabah	18	22	656 (1)	379 (1)
15	WP Labuan	0	0	8	18
	Jumlah	790 (2)	885 (2)	16,455 (56)	18,401 (43)

Nota: () Kematian

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 17/2010
(25 April hingga 1 Mei 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1-17 Tahun 2010	Jumlah Terkumpul Minggu 1- 17 Tahun 2009
		Minggu 17 (25 April – 1 Mei 2010)	Minggu 16 (18 – 24 April 2010)		
1	Perlis	0	0	0	18
2	Kedah	0	0	0	34
3	P. Pinang	0	1	3	70
4	Perak	0	0	3	284
5	Selangor	1	0	17	303
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	72
7	N. Sembilan	0	0	0	29
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	1	119
10	Pahang	0	0	1	59
11	Terengganu	0	0	1	38
12	Kelantan	0	0	2	302
13	Sarawak	3	2	497	243
14	Sabah	1	0	9	0
15	WP Labuan	0	0	7	0
	MALAYSIA	5	3	541	1,571

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 1 Mei 2010 (Mg 17)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MBPJ	Mentari Court PJS 8	37	114
2	SELANGOR	MPKJ	Taman Sepakat Indah	50	76
3	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang (Zon B)	18	68
4	SELANGOR	MBPJ	SS 9A	31	65
5	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 3 Taman Pelangi Semenyih	47	59
6	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 2 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	13	57
7	SELANGOR	MPAJ	Pandan Mewah (Zon A)	22	55
8	SELANGOR	MBSA	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	25	51
9	SELANGOR	MPSJ	Taman Pinggiran USJ 2	8	47
10	SELANGOR	Gombak	Taman Desa Jaya	17	46
11	SELANGOR	Gombak	Kg Matang Pagar	8	45
12	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 4 Taman Taming Jaya	7	47
13	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma	17	42
14	SELANGOR	MPSJ	Taman Serdang Jaya 2	12	38
15	SELANGOR	MPKJ	Taman Berjaya Baru	16	37
16	SELANGOR	MPAJ	Taman Teratai (Zon c) Ep 2	11	36
17	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 1 Bandar Rinching	10	35
18	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 1 Taman Kantan Permai	7	35
19	SELANGOR	MPKJ	Taman Kajang Jaya	7	32
20	SELANGOR	Kuala Langat	Bandar Saujana Putra	5	31
21	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K5	5	31
22	WPKL	Cheras	PPR Desa Tun Razak	24	110
23	WPKL	Cheras	Taman Maluri Jalan Jejaka	15	61
24	WPKL	Cheras	Desa Tasik (Polis)	10	30

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
25	WPKL	Setapak	Keramat Wangsa Kelumpuk Cempaka Penguin	19	60
26	WPKL	Setapak	PPR Desa Rejang	9	30
27	WPKL	Klang Lama	Vista Angkasa	20	72
28	WPKL	Klang Lama	Bukit Jalil (Jalil Damai Apartment)	13	58
29	JOHOR	MPPG	Flat SEDC, Pelentong	15	46
30	JOHOR	MPPG	Taman Tg Puteri Resort Jalan Lampam, Pelentong	9	34
31	PAHANG	Kuantan	Taman Indera Mahkota 6	12	45

**SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBAIKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI BAGI MINGGU KE-17**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SELANGOR	MPAJ	Tmn Dagang (Zon B)	16.0	17
2	WP KL	Klang Lama	Vista Angkasa	11.0	11
3	SELANGOR	MBSA	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	7.2	7
4	JOHOR	MPPG	Taman Tg. Puteri Resort Jalan Lampam, Pelentong	8.0	8
5	WP KL	Setapak	PPR Desa Rejang	6.0	6
6	JOHOR	MPPG	Flat SEDC, Pelentong	5.0	5
7	SELANGOR	MPAJ	Pandan Mewah (Zon A)	4.5	5
8	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 4 Taman Taming Jaya	4.1	4
9	SELANGOR	MPAJ	Taman Teratai (Zon C)	2.6	3
10	WP KL	Cheras	Desa Tasik (Polis)	2.0	2
11	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 1 Bandar Rinching	1.6	2
12	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma	1.4	1